

17 MAY 2003

Abdullah Muafakat (Bergambar)

TRADISI MUAFAKAT DALAM BN TETAP DITERUSKAN

KEPALA BATAS, 17 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau akan tetap meneruskan tradisi muafakat dalam Barisan Nasional dalam membuat sebarang keputusan yang adil dan saksama pada masa depan.

"Saya tidak akan terkecuali daripada tradisi itu bahkan saya tetap mendokong kuat tradisi yang dijunjung dan diterima baik oleh semua parti komponen BN," katanya pada majlis makan malam Parti Progresif Penduduk (PPP) di sini malam ini.

Katanya beliau telah bekerja di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan seorang pemimpin berjiwa besar yang mahu supaya keputusan yang dibuat berkaitan kepentingan parti adalah adil dan diterima baik oleh semua parti komponen BN kerana ia sudah menjadi tradisi dalam BN.

BN merupakan lambang perpaduan antara kaum yang mengamalkan semangat muafakat, toleransi, bekerjasama dan hormati menghormati yang menjadi aspirasi rakyat Malaysia, kata beliau.

"Kita membuat keputusan dengan mengambil kira kepentingan, sensitiviti dan aspirasi semua kaum yang mahu melihat masa depan Malaysia yang maju, aman dan berjaya," katanya.

Abdullah berkata semangat muafakat itu merupakan cara BN yang tidak akan menimbulkan rasa cemburu dan sakit hati di kalangan anggota parti komponen tetapi mereka berasa lega dan senang hati untuk memastikan kemenangan besar calon BN walau dari parti mana sekalipun.

"Ini kerana kita tahu apa jua yang diputuskan seperti calon pilihan raya di kawasan tertentu, ia tetap mendapat sokongan padu semua parti komponen untuk memastikan kemenangan yang besar kepada BN dalam mana-mana pilihan raya.

Semangat inilah yang menjadikan BN sebuah parti yang berjaya kerana semua keputusan yang ada hubung kait dengan masa depan parti seperti pengagihan kerusi dan penentuan calon, semuanya berasaskan muafakat dan rundingan, katanya.

Abdullah berkata sokongan rakyat kepada BN adalah amanah yang diberikan supaya kerajaan melaksanakan apa jua program yang memberi manfaat kepada rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata BN sentiasa menghargai sokongan PPP yang diketuai Presidennya Datuk M Kayveas yang kini lebih kukuh dan menjadi penyumbang setia kepada kekuatan BN.

-- BERNAMA

NH RHM